

**Syor wajibkan lepasan SPM
sertai PLKN wajar diteliti**



BARU-BARU ini Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN) men-cadangkan kepada kerajaan supaya mewajibkan semua pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dianggarkan 500,000 orang serta remaja berusia 18 tahun menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Pengerusinya, Datuk Dr Tiki Lafe, berkata syor itu dibuat kerana pi-haknya mendapati PLKN adalah program berkesan dalam mendisiplinkan golongan remaja yang me-nyertainya. Tambah beliau, PLKN adalah program lengkap yang me-najah mengenai disiplin, sejarah, sistem pentadbiran kerajaan.

Sehingga kini, maklum balas yang diterima menunjukkan sambutan daripada ibu bapa serta individu untuk menyertai program ini cukup memberangsangkan.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, pula berkata, kerajaan sedia menimbang cadangan untuk mewajibkan semua pelajar lepasan tingkatan lima mengikuti PLKN, tetapi ia perlu diteliti secara mendalam kerana membabitkan kos tinggi.

Tambah Zahid, buat masa se-karang dengan 120,000 peserta PLKN setiap tahun di 80 kem seluruh negara, belanjanya lebih kurang RM260 juta dan kalau kerajaan bersetuju dengan cadangan MKLN ini, erti-nya kita akan belanja empat kali ganda iaitu hampir RM1 bilion untuk me-latih lebih 500,000 pelajar lepasan tingkatan lima ke kem PLKN.

Sememangnya kita perlu akui-ku isu pertambahan kos membabitkan penyediaan infrastruktur, pertam-bahan kakitangan dan pembinaan kem baru adalah aspek penting yang wajar diberi perhatian, namun satu

perkara lagi yang sepatutnya menjadi lebih penting ialah sejauh mana PLKN yang dilaksanakan sejak 2004 berjaya mencapai objektifnya iaitu menyuburkan perpaduan dan mempu-uk semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda negara ini.

Walaupun kajian dengan kerja-sama sekumpulan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebelum ini yang membabitkan 61,950 responden, menunjukkan maklum balas positif, namun keberkesanan hakiki program ini masih menjadi tanda tanya apabila kita meneliti dua keadaan yang cukup mencemaskan khalayak iaitu, gelagat pelatih ketika menjalani latihan itu serta masalah sosial yang sedang melanda remaja mutakhir ini.

FAKTA NOMBOR

120,000
peserta

Kem PLKN seluruh negara setiap tahun

Pelbagai isu sering kedengaran membabitkan gelagat pelatih PLKN, dari masalah kesihatan dan kematian yang mengejutkan sehingga masalah percaduhan antara kaum, gengsterisme dan vandalisme di beberapa kem latihan di seluruh negara.

Mungkin bilangannya kecil mahu-pun dikategorikan sebagai kes ter-pencil, namun hakikatnya ia tetap berlaku dan masih gagal untuk dikawal sepenuhnya. Maka dalam kes seperti ini kita tertanya-tanya apa impak PLKN kepada kelompok berkenaan dan bagaiman PLKN me-mainkan peranan dalam mengubah tingkah laku anak muda ini.

Kita percaya masalah disiplin dan jati diri seperti ini bukanlah satu isu baru dan sudah berlaku di kem latihan sejak 2004 lagi dan didapati masih berterusan sehingga ke hari ini.

Masalah kedua pula lebih meri-saukan khalayak iaitu membabitkan masalah sosial dalam kalangan ge-nerasi muda kita. Hampir setiap hari media massa melaporkan pelbagai masalah sosial membabitkan remaja kita terutama kesalahan jenayah dan pembabitan dalam najis dadah. Malah statistik pembabitan remaja dalam pelbagai kesalahan jenayah dan sosial juga semakin meningkat. Kita percaya majoriti daripada kelom-pok ini pernah mengikuti PLKN sebelum ini kerana bilangan remaja yang mengikuti PLKN sejak 2004 mencecah hampir 600,000 orang.

Maka sekali lagi kita tertanya-tanya apa kesan PLKN yang mereka jalani selama ini kepada diri masing-masing? Kalau benar PLKN berke-san kenapa masalah seperti ini terus berlaku?

Jelas ada yang tidak kena dalam hal ini. Memang tidak wajar kita membuat rumusan bahawa PLKN gagal mahupun menyalahkan PLKN sepenuhnya kerana kejayaannya tetap ada dalam membina dan membentuk jati diri remaja kita, namun persoalan yang perlu diteliti dan dikupas ialah ia masih belum men-capai objektif asal secara sepenuhnya walaupun sudah berusia lapan tahun.

Hal ini perlu diberi perhatian khusus secara serius kerana sejak 2004, masyarakat menganggap PLKN se-bagai alat penting untuk mendisiplinkan dan membentuk belia kita menjadi aset masa depan negara. Namun sehingga sekarang harapan itu belum dapat ditunaikan sepenuhnya.

Justeru sebelum kita mewajibkan semua pelajar lepasan SPM menjalani latihan ini seperti yang dicadangkan, adalah lebih wajar kandungan modul dan kaedah pelaksana-ananya serta kesesuaian tempoh masa PLKN ini dinilai dan dikaji lagi terlebih dulu secara lebih mendalam dan terperinci.

Penulis ialah Ketua Bahagian Perancangan Korporat,
Universiti Putra Malaysia



PLKN dianggap program berkesan mendisiplinkan golongan remaja.